

NOTA PANDUAN 22

PENELITIAN PEKELILING DRAF DAN DOKUMEN LAIN

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	13 Julai 2015
Tarikh semakan:	2 Januari 2018, 13 Ogos 2020

1.0 Pengenalan

1.1 Kaedah 9.30A Kehendak-kehendak Penyenaraian memperuntukkan seperti berikut:

- “(1) *Perbadanan tersenarai atau penawar di dalam suatu tawaran untuk jualan sekuriti tersenarai mesti menyerahkan kepada Bursa untuk diteliti, 1 salinan draf semua pekeliing dan dokumen lain yang dicadangkan untuk dihantar kepada pemegang sekuriti dalam masa yang munasabah sebelum pencetakan bersama-sama satu senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan bahagian-bahagian yang berkaitan Kehendak-kehendak ini.*
- (2) *Subkaedah (1) di atas tidak terpakai kepada dokumen berikut:*
- (a) *laporan tahunan;*
 - (b) *apa-apa dokumen untuk dihantar kepada pemegang sekuriti berhubung pengambilalihan oleh atau berkenaan dengan perbadanan tersenarai tidak termasuk pekeliing yang akan dikeluarkan oleh perbadanan tersenarai, yang mencadangkan untuk melaksana atau akan melaksanakan pengambilalihan, kepada pemegang sekuritinya menurut Bab 10 Kehendak-kehendak ini.;*
 - (c) *apa-apa dokumen yang bukan disiapkan oleh perbadanan tersenarai atau penasihatnya bagi pihaknya; dan*
 - (d) *apa-apa dokumen lain yang ditetapkan oleh Bursa tertakluk kepada kehendak sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Bursa.*
- (3) *Perbadanan tersenarai atau penawar tidak boleh mengeluarkan mana-mana dokumen sedemikian yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas sehingga Bursa telah mengesahkan secara tertulis bahawa ia tidak mempunyai ulasan lebih lanjut mengenai dokumen itu.*
- (4) *Jika penasihat adalah dilantik oleh perbadanan tersenarai atau penawar untuk penyiapan dan/atau penyerahan dokumen yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas kepada Bursa, penasihat tersebut juga mesti mematuhi Subkaedah (1) dan (3) di atas.*

(5) *Jika suatu pekeliling atau dokumen adalah dikehendaki untuk disemak oleh Penasihat atau Penaja, perbadanan tersenarai mesti menyertakan satu pernyataan di dalam pekeliling atau dokumen bahawa pekeliling atau dokumen itu telah disemak oleh Penasihat atau Penaja perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan."*

1.2 Nota Panduan ini menyatakan kehendak yang berkaitan mengenai -

- (a) dokumen yang tidak dikehendaki untuk diserahkan kepada Bursa untuk diteliti;
- (b) dokumen yang tertakluk kepada semakan penuh oleh Bursa; dan
- (c) dokumen yang tertakluk kepada semakan terhad oleh Bursa.

1.3 Bagi mengelakkan keraguan, dalam meneliti pekeliling dan dokumen menurut Kaedah 9.30A Kehendak-kehendak Penyenaraian, Bursa tidak menentusahkan maklumat di dalam pekeliling atau dokumen yang diteliti. Perbadanan tersenarai, para pengarah dan penasihat mereka adalah bertanggungjawab untuk penzahiran di dalam dokumen-dokumen ini termasuk memastikan ketepatan dan kelengkapan dari yang sama menurut Kaedah 9.35 Kehendak-kehendak Penyenaraian.

2.0 Dokumen yang tidak dikehendaki untuk diserahkan kepada Bursa

2.1 Bagi maksud Kaedah 9.30A (2) (d) Kehendak-kehendak Penyenaraian, pekeliling atau dokumen mengenai mana-mana yang berikut tidak tertakluk kepada Kaedah 9.30A (1) Kehendak-kehendak Penyenaraian, iaitu penelitian Bursa tidak dikehendaki sebelum pengeluaran:

- (a) notis penyesuaian untuk waran dan sekuriti boleh tukar;
- (b) notis mesyuarat;
- (c) [dipotong]
- (d) pembelian syer sendiri (termasuk ketetapan biasa);
- (e) pindaan kepada atau penerimaan dari perlembagaan;
- (f) pindaan kepada surat ikatan amanah atau surat ikatan pol;
- (g) [dipotong]
- (gA) pembaharuan mandat pemegang syer untuk Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan; dan
- (h) semua pekeliling lain kepada pemegang syer, yang tidak dikeluarkan menurut kehendak untuk mendapatkan kelulusan pemegang syer, yang ditetapkan di di bawah Kehendak-kehendak Penyenaraian,

(secara kolektif disebut sebagai "**Pekeliling Dikecualikan**").

3.0 Kewajipan berhubung Pekeliling Dikecualikan

3.1 Dengan itu, Bursa tidak akan mengulas mengenai mana-mana Pekeliling Dikecualikan sebelum pengeluaran.

- 3.2 Berkenaan dengan ini, Pekeliling Dikecualikan mesti merangkumi satu pernyataan bahawa Bursa Malaysia Securities Berhad tidak meneliti pekeliiling tersebut sebelum pengeluarannya.
- 3.3 Apabila pengeluaran Pekeliling Dikecualikan kepada pemegang sekuriti, perbadanan tersenarai mesti dengan serta merta menyerahkan dengan serta merta kepada Bursa, satu senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan bahagian-bahagian yang berkaitan Kehendak-kehendak Penyenaraian.
- 3.4 Sekiranya Bursa mengesan apa-apa ketidakpatuhan dengan Kehendak-kehendak Penyenaraian selepas pengeluaran Pekeliling Dikecualikan, perbadanan tersenarai, Penaja dan/atau Penasihat yang bertanggungjawab untuk menyiapkan Pekeliling Dikecualikan boleh tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan oleh Bursa.

4.0 Dokumen tertakluk kepada semakan terhad

- 4.1 Pekeliling atau dokumen mengenai perkara berkenaan berikut akan tertakluk kepada semakan terhad oleh Bursa:
- (a) penerbitan sekuriti untuk tunai termasuk tetapi tidak terhad kepada terbitan hak, penempatan swasta, terbitan terhad, terbitan khas, terbitan sekuriti berasaskan "perniagaan sekuriti sudah beli", pengumpulan kepada para pengarah (termasuk pengumpulan opsiyen Skim Penerbitan Syer), pemegang syer utama atau orang yang berhubungan dengan mereka yang termasuk dalam Kaedah 6.07 Kehendak-kehendak Penyenaraian;
 - (b) Skim Penerbitan Syer termasuk penubuhan atau pindaan kepada undang-undang kecil, pelanjutan tempoh skim atau penamatan skim itu;
 - (c) mendapatkan mandat pemegang syer untuk Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang baru;
 - (d) notis kematangan sekuriti;
 - (e) pelanjutan masa untuk kematangan /peluputan sekuriti;
 - (f) terbitan bonus, pembahagian kecil atau penyatuan syer;
 - (g) penebusan awal sekuriti, sama ada kesemua atau sebahagian; dan
 - (h) [dipotong]
 - (i) notis pertukaran syer, penarikan balik atau pengurangan; dan
 - (j) Skim Pelaburan Semula Dividen,
- (secara kolektif disebut sebagai "**Pekeliling Semakan Terhad**").

5.0 Kewajipan berkenaan dengan Pekeliling Semakan Terhad

- 5.1 Menurut Kaedah 9.30A Kehendak-kehendak Penyenaraian, Pekeliling Semakan Terhad tidak boleh dikeluarkan oleh perbadanan tersenarai sehingga dan melainkan Bursa mengesahkan secara bertulis bahawa ia tidak mempunyai ulasan lebih lanjut mengenai dokumen itu.

- 5.2 Berkenaan dengan ini, perbadanan tersenarai mesti menyerahkan satu draf Pekeliling Semakan Terhad menurut Kaedah 9.30A (1) Kehendak-kehendak Penyenaaraian kepada Bursa bersama-sama satu senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan bahagian-bahagian yang berkaitan dengan Kehendak-kehendak Penyenaaraian.
- 5.3 Dalam melakukan semakan terhad, Bursa hanya akan memberi tumpuan pada bidang yang menurut pendapatnya berisiko tinggi mengenai penzahiran atau pematuhan dengan Kehendak-kehendak Penyenaaraian.
- 5.4 Tidak ada apa-apa dalam Nota Panduan ini atau Kehendak-kehendak Penyenaaraian yang akan menghalangi Bursa dari melakukan suatu semakan penuh dalam keadaan yang difikirkannya sesuai.

6.0 Dokumen tertakluk kepada semakan penuh

- 6.1 Bursa akan meneruskan untuk melakukan satu semakan terhadap semua pekeliing atau dokumen yang tidak termasuk dalam pengecualian yang dinyatakan dalam Kaedah 9.30A (2) Kehendak-kehendak Penyenaaraian termasuk mengenai dalam perkara berkenaan yang berikut:
- (a) transaksi pihak yang berkaitan (tidak termasuk pekeliing berhubung mandat pemegang syer untuk Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan);
 - (b) transaksi amat substansial;
 - (c) kepelbagaian operasi;
 - (d) pemberian bantuan kewangan kepada syarikat bersekutu dan pengaturan bersama;
 - (e) skim kompromi, pengaturan, penggabungan atau penyusunan semula atau skim penyusunan semula secara am;
 - (f) penarikan balik penyenaaraian;
 - (g) transaksi pihak bukan yang berkaitan yang mana memerlukan kelulusan pemegang syer menurut Kaedah 10.07 Kehendak-kehendak Penyenaaraian;
 - (h) penyenaaraian subsidiari;
 - (i) pengagihan modal, pembayaran balik atau pengurangan;
 - (j) pencairan material subsidiari yang termasuk di bawah Kaedah 8.23 Kehendak-kehendak Penyenaaraian;
 - (k) transaksi yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai;
 - (l) Pelupusan Besar; dan
 - (m) apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa,
- (secara kolektif disebut sebagai "**Pekeliling Semakan Penuh**").

7.0 Kewajipan berkenaan dengan Pekeliling Semakan Penuh

- 7.1 Berkenaan dengan ini, perbadanan tersenarai mesti menyerahkan satu draf Pekeliling Semakan Penuh menurut Kaedah 9.30A (1) Kehendak-kehendak Penyenaraian kepada Bursa bersama-sama satu senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan bahagian-bahagian yang berkaitan Kehendak-kehendak Penyenaraian.